

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SUBANG JAYA. PUTRAJAYA)

TARIKH: 5 OGOS 2017

MUKA SURAT: 42

## Penduduk dakwa zon penampian diceroboh



Inder Singh dan Lawrence (kanan) menunjukkan antara pokok yang ditebang di zon penampian.

**PUCHONG** – Penduduk di Taman Sri Puchong di sini mengesyaki zon penampian (buffer zone) di antara Jalan TPP 1/1 dengan Jalan Sri Puchong 5E, Taman Sri Puchong diceroboh pihak tidak dikenali sejak beberapa hari lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Zon 7, Datuk Inder Singh Beant Singh berkata, sebanyak 50 pokok ditebang dipercayai secara haram di kawasan sepanjang satu kilometer itu.

“Penduduk di sini syak ada yang tak kena bila pokok-pokok ditebang satu demi satu dipercayai dilakukan secara haram.

“Saya syak kerja pemotongan pokok ini adalah untuk tujuan meratakan zon penampian bagi kegunaan sendiri tanpa izin daripada pihak berkuasa tempatan (PBT),” katanya.

Inder Singh yang juga Ketua Bahagian MYPPP Puchong memohon PBT dan ahli majlis terlibat mengambil tindakan segera termasuk memberi saman kepada penceroboh dan menanam balik pokok yang telah ditebang.

“Ada bahagian tertentu di kawasan zon penampian dah dicerobohi dan dipagar pihak tidak dikenali, saya minta pihak berkuasa dan kerajaan tempatan datang tinjau dan ambil tindakan segera,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi JPP Zon 14, Lawrence Chiew memohon PBT segera membersihkan tapak zon penampian dan dipagarkan untuk mengelak pencerobohan berulang.

“Lebih cantik kalau zon penampian itu dijadikan sebagai taman permainan kanak-kanak,” katanya.